



Ikuti Kami di
Media Sosial **Unit Integriti Jabatan Pertanian**



@integritidoa

1. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2018 : KEMUDAHAN CUTI KEAGAMAAN



- Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi kemudahan Cuti Keagamaan yang merupakan cuti tanpa rekod untuk pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang bukan beragama Islam mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan.
- Selaras dengan keprihatinan Kerajaan kepada kepelbagaian agama di kalangan pegawai perkhidmatan awam, Kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan kemudahan cuti tanpa rekod sebanyak tujuh (7) hari kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang bukan beragama Islam untuk mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan mengikut agama dan kepercayaan masing-masing.
- Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa muali tarikh ia dikeluarkan.
- Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan merujuk kepada : [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2018 JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld.3 \(25\) bertarikh 19 November 2018](#)

2. PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT



- Surat ini menjelaskan mengenai persetujuan Kerajaan supaya peluasan tafsiran ahli keluarga terdekat di dalam MyPPSM di tambah baik.
- Peluasan tafsiran ahli keluarga terdekat kini ditambah baik merangkumi adik-beradik, nenek dan datuk pegawai.
- Penambahbaikan ini berkuat kuasa bermula tarikh surat ini dikeluarkan.
- Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan merujuk kepada : [Surat Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat JPA.\(S\).800-1/1/7 \(3\) bertarikh 5 September 2022](#)

3. NILAI DAN ETIKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

- Menentukan arah dan memberikan makna kepada pemikiran, tindakan dan tingkahlaku anggota Perkhidmatan Awam bagi memenuhi tanggungjawab dan amanah mereka sebagai pekerja negara.
- Memberi penyatuan dan penyelarasan di antara anggota-anggota Perkhidmatan Awam sebagai institusi utama yang membuat sumbangan kepada pembangunan tamadun masyarakat.
- Merupakan standard mutlak bagi mendorong anggota Perkhidmatan Awam berkhidmat dengan ikhlas dan berkesan.

Etika Kerja Dalam Konteks Pengurusan Organisasi

- Nilai-nilai kualiti
- Akauntibiliti
- Pengurusan masa yang berkesan
- Membuat keputusan yang berkesan

Nilai-Nilai Utama

- Taat Setia
- Amanah, Bersih dan Jujur
- Bertanggungjawab
- Berkecuali
- Adil dan Saksama
- Prestasi Yang Cemerlang dan Berkualiti

- Ketepatan Masa
- Perkhidmatan Ramah dan Mesra
- Sikap Berjimat Cermat

Sumber : Citra Karya Terbitan INTAN